

23/04/2001

Masyarakat wajar bersatu atasi masalah perkauman

Nasria Nasir

TANGGAL 31 Ogos 1957 adalah catatan sejarah yang harus diingati oleh rakyat Malaysia sebagai anak watan negara.

Penjajahan yang mengupas jerit-perit kehidupan rakyat adalah satu salah peristiwa yang diiktibarkan oleh kita semua. Penjajah yang disangka bertamu rupanya pemusnah yang dapat diumpamakan sebagai "dibakar tak hangus direndam tak basah".

Begitulah cabaran permulaan Malaysia untuk mencapai erti sebenar kemerdekaan dan membawa banyak perubahan sehingga kini. Sikap futuristik rakyat yang sanggup berkorban membawa interpretasi masyarakat global hari ini.

Tidakkah kita terfikir kemajuan negara pada sebelum ini adalah pengorbanan besar daripada mereka yang memperjuangkan negara daripada terus dijajah?

Pada abad ke-21 ini, kita terus merentasi kehidupan dengan pelbagai suka duka dan pancaroba yang jauh berbeza daripada masyarakat dulu.

Walaupun Malaysia dapat dikategorikan sebagai negara sedang membangun, namun masalah politik, ekonomi dan sosial sedikit sebanyak menggugat kemajuan yang didirikan sebelum ini.

Dapat dilihat melalui perspektif ekonomi iaitu sejarah kemelesetan ekonomi di seluruh Asia yang berpunca daripada George Soros.

Pada 1997, bermulanya kemelesetan dan hal ini satu dugaan yang perlu diterima oleh Malaysia sebagai negara yang turut dilanda kejatuhan mata wang. Ringgit Malaysia jatuh ke paras terendah menyebabkan pelbagai masalah timbul.

Malaysia sebagai negara dunia ketiga menghadapi kemelut itu tidak menghalang untuk terus membangun. Walaupun negara kita masih memandang dan mengambil inisiatif dari negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan lain-lain negara lagi, tetapi itu tidak bermakna kita harus ditindas dan dipandang rendah oleh mereka.

Begitu juga halnya dengan minda kita supaya menolak pandangan negatif iaitu menganggap negara maju sebagai kiblat mereka.

Sebaliknya, kita perlu mempertahankan negara dan mencari alternatif yang terbaik untuk maju ke depan. Falsafah demokrasi liberal perlu dimantapkan khususnya di kalangan aktivis tertentu dan pemimpin negara.

Kecanggihan dan kemodenan Malaysia adalah titik yang bakal membuahkan hasil dalam pembangunan. Umpamanya, kemodenan E-village tersebar ke serata dunia ketika masih dalam pembangunan lagi.

Syarikat yang memajukan projek ini sudah menerima tempahan daripada pengeluar filem luar negara. Baru-baru ini, Bill Gates pula menyatakan kekaguman beliau terhadap pembinaan MSC.

Beliau berkata, hanya Malaysia satu-satunya negara pada alaf ini mempunyai pembangunan multimedia yang hebat. Menerusi MSC, kita dapat menggambarkan kemajuan pada masa akan datang. Tetapi, pernahkah kita terfikir kemunduran atau kehancuran sedikit sebanyak menghakis kemajuan yang bakal kita kecapai.

Ledakan kemajuan negara sedikit sebanyak memberi sumber inspirasi kepada negara luar. Misalnya menerusi hidup bermasyarakat. Apa yang dapat dibanggakan oleh kita sebagai anak jati Malaysia ialah hidup dalam masyarakat majmuk.

Percampuran kaum seperti Melayu, Cina dan India boleh diklasifikasikan sebagai perkembangan ketamadunan. "Tak kenal maka tak cinta." Begitulah

sinonimnya ungkapan menerusi perpaduan kaum yang wujud sejak penghijrahan penduduk berlaku.

Kini, sesetengah pihak menimbulkan isu perkauman apabila berlaku percanggahan dalam sesuatu perkara. Mengapa keadaan sebegini perlu wujud, sedangkan kita sewajarnya rasa bertuah dapat hidup dalam satu kelompok yang berbeza tetapi mempunyai satu matlamat iaitu kemajuan dalam semua aspek.

Sehingga kini, isu yang tidak henti-henti dipersoalkan iaitu isu perpaduan sama ada menerusi media cetak, elektronik mahu pun penyampaian lisan daripada seseorang individu. Pada dasarnya, kita perlu mengkaji lebih mendalam untuk mengatasi masalah perkauman. Janganlah hanya menuding jari kepada satu pihak saja tanpa mengubah corak hidup ke arah lebih efektif.

Langkah yang perlu diambil oleh masyarakat Malaysia ialah toleransi dan musyawarah untuk bersama-sama menggembleng masalah perkauman.

Oleh itu, destinasi Malaysia yang menyeluruh masih belum bernoktah. "Kita perlu atasi cabaran yang datang dari negara maju. Kita sudah menentukan matlamat kita. Kita ingin jadi negara maju menjelang 2020.

Negara maju yang menguasai segala kecekapan pentadbiran dagangan dan industri pada tahap yang sama tinggi dengan negara sudah maju, tetapi kekal dengan nilai murni dan cara hidup mulia".

Begitulah perutusan pemimpin kita, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad sempena Hari Kebangsaan yang menyarankan kepada semua pihak untuk berganding bahu dalam menerajui arus globalisasi.